

35

Penggunaan Pola-pola Ayat Untuk Meningkatkan Kemahiran Menulis Dalam Kalangan Murid MTSP

Sekolah Rendah Huamin



Mislimah Misti

mislimah_misti@schools@gov.sg



Helmeleya Mohd Jamil

helmeleya_a@schools@gov.sg

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menilai pencapaian murid tahap praaras pencapaian (LP) membina ayat berdasarkan karangan bergambar. Murid LP menghadapi kesukaran menyusun ayat mengikut pola-pola ayat bahasa Melayu (BM). Pola-pola ayat BM dalam penulisan karangan diperkenalkan kepada murid Darjah 3 dalam Program Sokongan Ibunda (MTSP). Program ini menekankan pembelajaran secara interaktif. Maka itu, kad imbasan dan nota rujukan bergambar digunakan dalam pembelajaran berdasarkan profil murid. Strategi Pengajaran Pembezaan (DI) diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) penulisan karangan. Dapatan kajian menunjukkan keyakinan murid dalam penulisan karangan meningkat. Mereka berasa lebih terarah dan mendapati mudah mengikuti PdP karangan. Keputusan peperiksaan akhir tahun bagi penulisan karangan mereka amat menggalakkan setelah usaha intervensi dan kajian ini dijalankan.

Kata Kunci: Program Sokongan Bahasa Ibunda (MTSP), pengajaran pembezaan (DI), karangan, pola ayat, kemahiran menulis



PENGENALAN

Murid Darjah 3 yang mengikuti Program Sokongan Bahasa Ibunda (MTSP) merupakan murid yang berada pada tahap praaras pencapaian (LP). Mereka tidak terkecuali daripada menduduki ujian dan peperiksaan bagi penulisan karangan. Maka itu, murid perlu diajar secara eksplisit bagi menguasai kemahiran membina ayat berasaskan karangan bergambar.

Bagi menarik minat murid MTSP, pembelajaran secara interaktif dan strategi Pengajaran Pembezaan (DI) diterapkan dalam kajian ini. Pembelajaran secara interaktif memerlukan murid untuk memberi respons segera kepada soalan yang diberi. Maka, dengan penggunaan kad imbasan dan nota rujukan bergambar, dapat sedikit sebanyak membantu murid melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah. Bahan-bahan pembelajaran seperti kad imbasan dan nota rujukan bergambar ini diusahakan agar murid dapat mengikuti pelajaran dengan berkesan.

Tambahan, kajian ini dirancang dan dilaksanakan berpandukan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015. Hasil pembelajaran yang ingin dicapai bagi murid Darjah 3 ialah mereka dapat menjana dan menyusun idea untuk menghasilkan teks dalam proses penulisan. Memperkenalkan murid kepada pola-pola ayat dalam penulisan karangan dijadikan sebagai salah satu proses penulisan. Dengan harapan, murid MTSP dapat menghasilkan karangan yang baik.

PERNYATAAN MASALAH

Antara faktor yang menjejaskan keupayaan murid MTSP dalam menguasai Bahasa Ibunda (BI) ialah persekitaran BI di Singapura yang kian berubah. Trend bagi pendedahan dan sokongan BI di rumah yang semakin berkurangan dan tiadanya program sokongan untuk BI di peringkat nasional dan menjadikan pembelajaran BM dalam kalangan murid semakin mencabar.

Murid MTSP memerlukan sokongan tambahan dalam pembelajaran BI. Maka itu, rancangan pelajaran dirancang dengan teliti agar murid MTSP dapat memperoleh manfaatnya. Kajian ini dirancang dengan memfokuskan pada pelajaran karangan. Murid yang menjadi subjek kajian dikehendaki membina ayat berpandukan gambar karangan yang diberi.

PdP kemahiran menulis merupakan satu cabaran kepada guru dan murid. Daripada hasil pemantauan, guru dapati antara cabaran yang dihadapi murid MTSP ialah mereka amat lemah dalam meluaskan ayat terutama semasa melakukan latihan karangan. Berdasarkan latihan harian, didapati mereka menulis karangan dengan ayat yang mempunyai banyak kesalahan struktur BM walaupun gambar karangan telah diberi sebagai panduan untuk mereka menulis karangan. Ada antara mereka juga, hanya menyalin semula arahan yang diberi atau menulis ayat yang tidak bermakna sehingga menjejaskan pemahaman pemeriksa. Zaliza Mohamad Nasir (2017) dalam kajiannya mengatakan bahawa kekurangan pengetahuan bahasa dan kekeliruan murid dalam penggunaan sistem bahasa menyebabkan murid lemah dalam penulisan. Oleh itu, kajian ini ingin melihat sejauh mana murid dapat membina ayat berdasarkan gambar bersiri yang diberikan dengan memperkenalkan penggunaan pola-pola ayat Bahasa Melayu (BM) dalam penulisan. Pengajaran ini juga dipercayai dapat membantu mengukuhkan asas penguasaan mereka dalam membina ayat. Kajian ini memanfaatkan pelajaran pola-pola ayat BM yang telah didedahkan kepada mereka dalam pengetahuan bahasa melalui Buku Cepak 2A dari Unit 1 hingga Unit 5. Oleh itu, guru BM berpendapat bahawa dengan mengenalkan formula sistem BM, iaitu Frasa Nama+Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama+Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama+Frasa Adjektif (FN + FA) dan Frasa Nama+Frasa Sendi (FN + FS) merupakan salah satu proses penulisan yang murid harus lalui untuk membina ayat yang baik dan yang gramatis dalam penulisan karangan.


OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meneliti keberkesanan pengenalan pola-pola ayat BM dalam penulisan karangan murid Darjah 3 MTSP; dan
2. meningkatkan kemahiran menulis karangan dalam kalangan murid Darjah 3 MTSP.

KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian lepas tentang kaedah pengajaran membina ayat menggunakan pola-pola ayat BM. Kajian yang dijalankan oleh Nurhasliza Hashim dan Daing Noor Ashikin Bahnan (2019) di Sekolah Rendah Admiralty dengan murid Darjah 3 menunjukkan keberkesanan teknik modeling sebagai



perancah untuk membantu murid memahami cara membina ayat. Mereka menggunakan pola-pola ayat dalam BM bagi meningkatkan kemahiran dalam penulisan karangan. Penggunaan strategi yang dipilih itu telah berjaya membantu murid membina ayat yang pelbagai dengan menggunakan jenis pola ayat yang berbeza dan memahami perbezaan antara jenis ayat tersebut.

Kajian yang telah dijalankan oleh Saipolbarin Ramli, Zarima Mohd. Zakaria, Nazri Atoh dan Mohammad Sidik Ariffin (2018) di Universiti Pendidikan Sultan Idris pula bertujuan untuk membantu penuntut universiti tersebut yang bukan penutur jati Bahasa Arab menguasai penulisan teks Arab dengan lebih baik dan berstruktur melalui formula pola ayat Bahasa Arab. Melalui teori formula pola ayat ini, penuntut didedahkan dan dibimbing dengan menggunakan pendekatan yang mudah dan ringkas. Semua penuntut mampu mengaplikasikan teori-teori yang dipelajari dalam penulisan teks secara efektif dengan menggunakan pendekatan formula pola ayat.

Berdasarkan kajian-kajian lepas itu, jelaslah bahawa kemahiran membina ayat dapat ditingkatkan dengan mengajar formula pola ayat secara eksplisit kepada murid. Maka itu, pola-pola ayat BM telah diperkenalkan dan digunakan dalam PdP penulisan karangan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menerapkan pendekatan DI dan Pembelajaran Eksplisit. Tujuan membezakan pengajaran adalah untuk memaksimumkan keupayaan dan kejayaan murid dengan memberi bimbingan secara eksplisit dalam proses pembelajaran. Manakala, kaedah pembelajaran eksplisit diterapkan dalam kajian ini pula adalah untuk memudahkan murid mengikuti pelajaran dengan berkesan. Kaedah ini merupakan kaedah yang berstruktur dan menekankan pelibatan murid secara aktif dalam pembelajaran. Kaedah pembelajaran eksplisit ini merangkumi lima peringkat, iaitu peringkat induksi, penerangan, modeling, latihan terbimbing, latihan sendiri dan bahagian penutup pelajaran.

Kajian ini juga berlandaskan tuntutan Amalan Pengajaran Singapura (STP). STP dijadikan rujukan utama dalam pelaksanaan PdP. Berikut merupakan amalan yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 1: Amalan Pengajaran Singapura


Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran (AP)	Aktiviti Mengajar (AM)
Pelaksanaan Pelajaran	AP14: Merangsang Minat	AM1: Menggunakan Cerita dan Imejan Kad imejan/bergambar diberikan kepada murid supaya senang mereka merujuk ketika melakukan tugas.
	AP13: Mengaktifkan Pengetahuan Sedia Ada	AM1: Fikir-Berpasangan-Berkongsi Guru mencungkil pengetahuan sedia ada murid melalui AM Fikir-Berpasangan-Berkongsi. Aktiviti ini mengajak murid menyemak pemahaman mengenai sesuatu konsep bersama rakan.
	AP17: Memberikan Penerangan Yang Jelas	AM2: Melakukan Tunjuk Cara (<i>I Do, We Do, You Do</i>)
Penilaian dan Maklum Balas	AP24: Menyediakan tugas yang bermakna	AM3: Latihan untuk Menguasai Murid diberikan lembaran kerja yang mengikut tahap kemahiran mereka bagi mengukuhkan pemahaman mereka. Mereka dikehendaki membina ayat dengan menggunakan gabungan frasa-frasa.
Penerangan dan justifikasi	Aspek pengajaran yang diambil kira diselaraskan dengan tujuan kajian. Aspek Pengajaran ini digunakan supaya pengajaran dilakukan secara berstruktur dan terbimbing. Pendekatan DI bagi aktiviti pengajaran dapat membantu setiap murid mengikut tahap keupayaan atau kesediaan masing-masing. Pengajaran juga dilakukan secara eksplisit dengan menggunakan strategi " <i>I Do, We Do dan You Do</i> " agar dapat memastikan murid mendapat bimbingan sepenuhnya.	

Subjek Kajian

Subjek kajian merupakan 14 orang murid MTSP Darjah 3 yang mempunyai tahap praaras pencapaian (LP). Murid ini juga dibahagikan kepada 3 kumpulan iaitu LP1, LP2 dan LP3. Pembahagian kumpulan ini adalah untuk pembahagian tugas atau aktiviti yang sesuai dengan profil pencapaian murid.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian terdiri daripada kad bergambar, nota rujukan bergambar, gambar karangan, lembaran kerja yang berperingkat (*tiered assessment*), dan slaid PdP.



Kad bergambar ini mengandungi frasa. Kad ini digunakan semasa aktiviti pertama, iaitu mengkategorikan gambar dengan frasa-frasa yang tepat. Nota rujukan bergambar pula diusahakan agar murid MTSP dapat merujuk sekiranya mereka mempunyai masalah memahami pola-pola ayat BM. Setiap murid akan menerima bahan pengajaran ini agar murid dapat melibatkan diri dengan aktif dalam aktiviti pengajaran secara serentak.

Gambar karangan dipilih dengan teliti agar sesuai dengan peringkat Darjah 3. Satu set gambar karangan yang mengandungi empat gambar bersiri digunakan sepanjang kajian ini dijalankan. Hal ini dilakukan agar murid lebih fokus dan mudah bagi mereka menghasilkan kandungan teks.


Prosedur Kajian

Sebelum kajian ini dijalankan, murid sudah didedahkan kepada pelajaran frasa nama (FN), frasa kerja (FK), frasa adjektif (FA) dan Frasa Sendi (FS) di dalam Unit 1 hingga 5 dalam buku CEKAP 3A. Maka pelajaran ini dimanfaatkan untuk menjalani kajian ini.

Pada peringkat pertama, guru mengadakan sesi untuk membina dan merancang pengajaran. Setelah berbincang tentang masalah yang dihadapi murid MTSP, para pengkaji akhirnya sebulat suara mencadangkan agar memanfaatkan pelajaran pola-pola ayat dijadikan sebagai salah satu proses penulisan karangan bagi golongan murid ini.

Pada peringkat kedua, bahan-bahan pengajaran disiapkan. Semua bahan pengajaran dirancang dengan teliti supaya murid MTSP dapat mengikuti pelajaran dengan berkesan.

Pada peringkat seterusnya, kajian pengajaran dilaksanakan ke atas 14 orang murid Darjah 3 MTSP. Pada permulaan pelajaran, guru menyatakan objektif pelajaran iaitu menulis karangan berdasarkan gambar dengan menggunakan pola-pola ayat Bahasa Melayu, iaitu gabungan FN, FA, FK dan FS. Guru juga menerangkan tentang kandungan pembelajaran. Hal ini membantu murid mengetahui langkah-langkah yang diambil guru seterusnya dalam pembelajaran mereka serta dapat menjangka bila sesebuah aktiviti akan tamat dan bila guru akan memulakan dengan aktiviti yang lain.




Kemudian, guru mengimbas kembali pelajaran tentang pola-pola ayat. Murid diminta untuk mengkategorikan frasa-frasa ke dalam kategori FN, FK, FA dan FS. Murid diberi kad bergambar berserta frasa-frasa yang berbeza. Aktiviti ini dilakukan menggunakan AM Fikir-Berpasangan-Berkongsi. Aktiviti ini membolehkan guru melibatkan semua murid secara serentak.

Langkah seterusnya, guru menggunakan teknik *Popcorn*. Guru meminta murid menyatakan frasa yang sesuai bagi Gambar 1 hingga Gambar 4 (berdasarkan satu set gambar karangan bergambar - 4 gambar bersiri). Guru menulis respons murid di papan putih yang kemudiannya dibincangkan sekali lagi. Murid dibenarkan untuk merujuk nota yang diberikan oleh guru jika mereka memerlukan lebih banyak bantuan untuk menjawab soalan-soalan guru.

Setelah itu, pada peringkat '*I Do*', guru menunjukkan bagaimana FN, FK, FA dan FS boleh digabungkan untuk menghasilkan ayat yang lengkap. Frasa-frasa yang telah dibincangkan tadi dijadikan sebagai contoh untuk membina ayat. Dengan menggunakan AM Melakukan Tunjuk Ajar, guru menggunakan Gambar 1 sebagai model. Guru menggunakan tunjuk cara bagi memastikan murid mengetahui dan memahami apa yang akan mereka lakukan dalam aktiviti seterusnya.

Sebelum melangkah ke peringkat '*We Do*', guru menunjukkan cara melakukan tugas kepada ketiga-tiga kumpulan. Kemudian, guru memberi sorotan mengenai keperluan tugas untuk setiap kumpulan (LP1, LP2 dan LP3). Di sini, tugas berperingkat diberikan kepada murid. Tugas yang mereka lakukan bergantung pada tahap kemahiran mereka. Hal ini dilakukan supaya guru dapat memaksimumkan potensi mereka menulis karangan. Menurut Tomlinson (2001), perbezaan bukan bermaksud keindividualan, tetapi ia bermaksud memahami keperluan murid kerana setiap murid itu mempunyai keperluan yang berbeza. Maka itu, walaupun murid MTSP memang lemah dalam Bahasa Melayu, mereka masih ada keperluan yang berbeza.

Pada peringkat '*We Do*', murid diarahkan untuk melihat Gambar 2 pula. Guru menggunakan pendekatan seluruh kelas. Murid akan melakukan tugas mereka secara sendiri terlebih dahulu, kemudian, guru akan menjemput murid untuk memberikan respons mereka. Murid akan berkongsi jawapan mereka dengan rakan sekelas. Guru akan memantau hasil kerja murid dan memberikan bantuan jika diperlukan.



Berikut ialah perbezaan tugas atau kriteria kejayaan yang diharapkan daripada murid MTSP ini.

LP1 - Saya dapat membina sekurang-kurangnya satu ayat mudah berdasarkan gambar karangan dengan menggabungkan FN+FK atau FN+FA atau FN+FS.

LP2 - Saya dapat membina 3 ayat berdasarkan gambar karangan dengan menggabungkan FN+FK atau FN+FA atau FN+FS.

LP3 - Saya dapat membina satu perenggan berdasarkan gambar karangan dengan menggabungkan FN+FK atau FN+FA atau FN+FS.

Setelah itu, guru menjemput murid untuk berkongsi jawapan mereka dengan rakan-rakan sekelas. Guru mengajak murid untuk menilai prestasi rakan mereka bersama-sama. Murid memberi penilaian dengan menggunakan *Thumbs Up* dan *Thumbs Down*. Guru juga memberikan maklum balas secara verbal dan juga pujian atas hasil kerja murid.

Pada peringkat '*You Do*', guru memberikan arahan kepada murid untuk menyelesaikan lembaran kerja (Gambar 3 dan Gambar 4) di rumah untuk mengukuhkan lagi apa yang telah dipelajari. Guru menunjukkan '*My Learning Checklist*' yang selaras dengan kriteria kejayaan murid. Murid diarahkan untuk menunjukkan ibu jari ke atas atau ke bawah bagi menunjukkan tahap pemahaman mereka mengenai pelajaran yang diadakan pada hari itu. Hampir 100% murid menunjukkan ibu jari ke atas.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian yang digunakan merupakan data kualitatif dan kuantitatif. Data kualitatif yang diraih ini berdasarkan pemerhatian guru semasa menjalankan pelajaran menulis di dalam bilik darjah. Data kuantitatif diperoleh daripada prakajian dan pascakajian. Terdapat peningkatan bagi markah purata yang diperoleh murid semasa kajian dijalankan dan dalam pascakajian yang telah dijalankan.

Jadual 2: Keputusan Markah Murid

	Prakajian	Semasa Kajian	Pascakajian	Keputusan Kertas 1 EOY 2021
Markah purata	4.3	6.2	6.5	5.6
Peratusan murid yang lulus	21.4%	50%	57.1%	46%
Peratusan murid yang menunjukkan peningkatan	NA 57.1%		79%	61.5%

Dapatan Jadual 2 menunjukkan peningkatan yang konsisten dalam markah purata, peratusan murid yang lulus dan peratusan murid yang menunjukkan peningkatan dari ujian prakajian ke ujian pascakajian.

Selepas usaha intervensi, guru terus menggunakan pendekatan formula pola ayat dalam pelajaran menulis di dalam bilik darjah. Pencapaian murid dalam pascakajian menunjukkan keberkesanan pendekatan formula pola ayat bagi membantu murid mengukuhkan asas penguasaan mereka dalam membina ayat. Kedua-dua ujian pascakajian dijalankan dalam situasi peperiksaan. Ini memastikan kemurnian data yang diperoleh benar-benar mencerminkan pencapaian murid.

Markah purata murid meningkat sebanyak 44.2% dalam ujian semasa kajian dan 51.2% dalam ujian pascakajian. Semasa kajian, 50% murid lulus sementara 57.1% murid yang lulus dalam ujian pascakajian. Selain itu, seramai 57.1% dan 79% murid menunjukkan peningkatan markah dalam ujian semasa kajian dan ujian pascakajian. Peningkatan ini amat menggalakkan. Namun, kelihatan peratusan murid yang menunjukkan peningkatan ini jatuh ke 61.5% semasa akhir tahun peperiksaan karangan. Punca kejatuhan ini disebabkan beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan. Antaranya, penutupan sekolah secara tiba-tiba dan kehadiran murid yang tidak menentu akibat situasi pandemik COVID-19. Murid MTSP memerlukan PdP yang konsisten dan pengajaran yang memerlukan suasana di dalam bilik darjah (*face-to-face environment*) kerana golongan ini memerlukan sokongan tambahan daripada guru. Walaupun demikian, masih ada perbezaan yang ketara bagi peratusan murid yang menunjukkan peningkatan pada akhir tahun peperiksaan karangan dengan ujian semasa kajian.

Jadual 3: Prestasi Murid Secara individu

Murid	Prakajian	Semasa Kajian	Pascakajian	Keputusan Kertas 1 EOY 2021
A	4	4	4	4
B	4	5	2	7
C	0	3	4	2
D	2	2	2	4
E	5	5	9	7
F	3	9	7	7
G	2	4	3	2
H	4	7	6	5
I	9	9	10	9
J	4	9	11	8
K	2	7	7	4
L	7	7	8	6
M	8	9	11	8
N	6	6	7	NA

Daripada 14 murid yang menjadi subjek kajian, tiga daripada mereka (Murid C, D dan G) menghadapi masalah disleksia. Mereka tidak dapat membaca dengan lancar dan tidak dapat membina ayat dasar yang lengkap. Kesemua mereka menunjukkan peningkatan dalam markah prakajian dan pascakajian. Dapatan ini menunjukkan bahawa pendekatan formula pola ayat juga dapat membantu murid yang mempunyai masalah pembelajaran untuk mengukuhkan kemahiran mereka membina ayat dasar yang asas.

Semasa kajian dilaksanakan, murid dapat mengikuti pengajaran yang dijalankan dan mengikuti arahan yang diberikan. Kad rujukan pola-pola ayat membantu murid membina ayat dasar menggunakan pola FN+FK. Secara keseluruhan, murid lebih terdorong untuk membina ayat menggunakan pola tersebut.

Budaya pembelajaran yang positif dalam bilik darjah amat baik sekali. Ini jelas kelihatan semasa guru mengundang murid untuk berkongsi respons masing-masing di hadapan bilik darjah. Aktiviti interaktif sedemikian menggalakkan murid memberikan sokongan antara satu sama lain dan menggalakkan murid lain berkongsi respons mereka. Dengan adanya budaya

yang positif ini, secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan murid untuk membina ayat berdasarkan gambar yang diberi.

CADANGAN


Terdapat beberapa perkara yang perlu diperbaiki dalam kajian ini. Antara saranan yang diberikan ialah setiap murid diberikan satu set kad berwarna yang kosong untuk mereka tuliskan FN, FK, FA dan FS yang sesuai berdasarkan gambar yang diberi. Sebagai latihan sendiri, murid boleh menggabungkan kad-kad mereka untuk membina ayat menggunakan formula pola ayat yang telah diajar. Dengan cara ini, mereka dapat melihat gabungan frasa mengikut formula pola ayat secara konkrit dan lebih terdorong untuk membina ayat.

Oleh sebab murid tergolong dalam kalangan praaras pencapaian, sebahagian murid kelihatan tidak dapat membina ayat menggunakan pola FN+FS dan FN+FA. Mereka juga tidak dapat menghasilkan pola frasa FA dan FS yang sesuai dengan gambar. Bagi murid yang sangat lemah, guru boleh menyediakan kad berwarna yang mengandungi pola-pola frasa yang bersesuaian dengan gambar. Murid ini boleh diarahkan untuk menggabungkan pola frasa yang tersedia untuk membina ayat dasar.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, penggunaan pendekatan formula pola ayat dapat membantu murid mengukuhkan asas penguasaan mereka dalam membina ayat. Kajian ini juga menunjukkan bahawa penggunaan pendekatan ini secara berterusan, dapat membantu murid membina ayat secara berstruktur dan membantu mereka dalam penulisan karangan. Dalam peperiksaan akhir tahun bagi Kertas 1, semua murid dapat menggunakan pemerenggan dalam penulisan mereka dan menulis sekurang-kurangnya 60 patah perkataan. Tiada seorang pun yang menyalin arahan atau menulis ayat yang tidak bermakna. Mereka, termasuklah murid yang mempunyai masalah pembelajaran yang dapat menulis ayat dasar yang asas untuk menceritakan gambar bersiri dalam kertas soalan peperiksaan.

Penggunaan pola-pola ayat BM harus digunakan secara konsisten semasa pengajaran karangan dijalankan. Latihan yang berulang kali pasti akan membuat murid terlatih dan akhirnya menghasilkan ayat yang berstruktur, mengikut sistem struktur BM.



Akhir kata, objektif kajian ini tercapai walaupun terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki. Hasil dapatan daripada kajian ini amat menggalakkan. Walaupun ruang lingkup kajian ini hanya berfokuskan kepada murid LP Darjah 3, guru-guru masih boleh mengaplikasikan penggunaan formula pola ayat yang dikaji ini kepada murid MP di peringkat yang sama.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Sanisah Rahim
2. Hemalarsvini
3. Sharmila Mohd Ismail

RUJUKAN

Amalan Pengajaran Singapura (2018) Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura.

Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum (2014). Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015, Kementerian Pendidikan Singapura.

Nurhasliza Hashim dan Daing Noor Ashikin Bahnan (2019). Penggunaan Modeling Dalam Pengajaran Pola Ayat. Seminar Bahasa Melayu 2019.

Saipolbarin Ramli, Zarima Mohd. Zakaria, Nazri Atoh dan Mohammad Sidik Ariffin (2018). Aplikasi Formula Pola Ayat Dalam Penulisan Teks Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Vol 5 Bil 1 2018.

Tomlinson, Carol A. How to differentiate Instruction in Mixed-Ability Classrooms. Alexandria, Va.: Association for Supervision and Curriculum Development, 1995

Zaliza Mohamad Nasir. (2017). Kesalahan Tatabahasa Melayu Dalam Penulisan Karangan Pelajar. LSP International Journal, 4 (1), 23 – 35.